

PENDIDIKAN DAN TA'DIB ANAK USIA DINI DALAM ISLAM

Abdi Syahrial Harahap

Prodi Pendidikan Islam Anak Usia Dini Fakultas
Agama Islam dan Humaniora Universitas
Pembangunan Panca Budi

abdisyahrial@dosen.pancabudi.ac.id

Abstrak

Kata Kunci: Pendidikan anak usia dini, Pendidikan Islam, *Ta'dib*

Tulisan ini menjelaskan pendidikan anak-anak merupakan sesuatu yang sangat diperhatikan dalam pembahasan tentang pendidikan Islam. Ini dapat dilihat dalam khazanah ilmiah Islam yang banyak membahas masalah ini. Makalah ini mengumpulkan dan meneliti pandangan ilmuwan Islam Islam dan kontemporer melalui karya-karya mereka yang berkaitan secara langsung dengan pendidikan kanak-kanak. Metode dokumentasi digunakan dalam pengumpulan data. Manakala metode analisis kandungan meliputi metode induktif, deduktif dan komparatif diterapkan dalam penelitian data. Beberapa aspek dilihat menjadi penekanan utama para ilmuwan Islam dalam pengamalan pendidikan anak-anak, antaranya melibatkan perihal kepentingan dan sejarah pendidikan anak-anak serta konsep, prinsip dan peringkat pendidikan kanak-kanak menurut Islam.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan satu bidang utama yang dapat menentukan tercapai dan jatuh banggunya sebuah peradaban. Bahkan pendidikan memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan kehidupan setiap individu ataupun masyarakat. Lemah dan mundurnya pendidikan akan menghasilkan kemunduran dalam keseluruhan aspek.¹ Oleh sebab itu dengan sendirinya pendidikan anak-anak mendapat tempat yang utama dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana pendidikan anak-anak itu adalah hal yang utama

¹ Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. Stapa, Yusuf & Shahrudin, 2012.

dan terpenting dalam pendidikan manusia. Pada masa yang sama, ia akan menjadi asas kepada perkembangan peribadi manusia dari setiap sudut.²

Namun jika kita lihat pola pendidikan Barat apabila membahas tentang pendidikan anak-anak sering dijadikan rujukan. Oleh karena itu makalah ini bertujuan untuk melihat kembali amalan pendidikan anak-anak yang telah dilalui oleh sejarah Islam seterusnya akan memberikan gambaran umum kepada pendidikan anak-anak melalui konsep dan prinsip Islam. Gambaran ini diharap mampu untuk menjadi kerangka faham yang kukuh dalam memperlihatkan kepentingan pendidikan anak-anak menurut kacamata Islam. Selain itu diharap akan menonjolkan sisi cemerlang pendidikan Islam dalam membincangkan berkaitan tentang pendidikan anak-anak.

PEMBAHASAN

Kepentingan Pendidikan anak usia dini

Penciptaan manusia secara bertahap bermula dari kelahiran sehingga kematian mempunyai banyak hikmah. Manakala peringkat anak-anak mempunyai keistimewaan sendiri. Contohnya tempoh masa peringkat anak-anak manusia adalah lebih panjang daripada tempoh anak-anak makhluk lain. Selain itu menjadi kebiasaannya jumlah anak yang dilahirkan oleh seorang ibu dalam satu kelahiran adalah seorang. Kelahiran yang seterusnya berlaku setelah berlalu satu tempoh masa. Dalam tempoh masa itu anak-anak pertama telah pun menerima penjagaan dan pendidikan yang sewajarnya. Perkara ini tidak lain hanyalah menunjukkan kepentingan tempoh masa kanak-kanak. Pada tahap inilah mereka mulai belajar dan membentuk diri. Maka tidak hairan permasalahan tentang anak-anak dan pendidikan mereka amat dititikberatkan oleh al-Quran. Ini boleh dilihat bagaimana al-Quran meletakkan peringkat kanak-kanak ini ke peringkat yang tertinggi apabila menceritakan kisah para nabi tanpa meninggalkan zaman kanak-kanak mereka. Contohnya kisah zaman kanak-kanak Nabi Ismail, Nabi Yusuf, Nabi Musa, dan Nabi Muhammad s.a.w.³ Al-Quran juga meletakkan pendidikan mereka sebagai satu tanggung jawab yang besar dan perlu dititikberatkan

Oleh yang demikian proses membentuk pada peringkat kanak-kanak amatlah penting kerana ia akan mencorakkan peribadi dan susuk tubuhnya pada masa hadapan. Manakala untuk menghasilkan natijah yang diinginkan dari proses pembentukan itu, maka pendidikan yang sempurna mestilah disediakan kepada mereka. Justeru jelas pendidikan kanak-kanak amat penting kerana ia berkait secara langsung dengan pembentukan kanak-kanak. Kepentingan pendidikan kanak-kanak terletak kepada proses pendidikan yang dilaksanakan terhadap kanak-kanak untuk sampai kepada objektif yang dikehendaki

² *Al-Tufulah fi al-Islam Mekanatu-ha wa-Asas Tarbiyah al-Tifl, Uthman.H.M*

³ *Al-Tifl fi Daw' al-Qur'an wa'l-Sunnah wa'l-Adab, Jum'ah, 2001*

Sejarah Pendidikan Anak-Anak

Jika ditelusuri sejarah Islam bermula dengan zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini, pendidikan anak-anak tidak pernah tersisih. Bahkan pendidikan anak di antara masalah utama yang menjadi fokus perhatian oleh Baginda Rasulullah s.a.w.

Buktinya hal berkaitan dengan anak-anak ini dibahas dengan sangat terperinci bahkan sebelum kelahiran mereka. Hal ini dapat dilihat apabila pembahasan bermula ketika seseorang hendak memilih pasangan hidup untuk memilih bakal ibu kepada anak-anak tersebut. Selain itu dapat dilihat Baginda Rasulullah s.a.w mendoakan anak-anak walaupun belum dilahirkan lagi sebagaimana yang Baginda Rasulullah s.a.w lakukan kepada penduduk Taif ketika Baginda Rasulullah s.a.w berdakwah di sana. Juga dapat dilihat apabila Baginda Rasulullah s.a.w memerintahkan pasangan suami isteri untuk berdoa sebelum melakukan hubungan suami isteri demi kebaikan anak yang akan dilahirkan. Selain itu ulama-ulama Islam terdahulu juga telah membincangkan tentang pendidikan anak-anak dalam kandungan (prenatal education) lebih awal daripada orang Barat.

Walaupun pada zaman Baginda Rasulullah s.a.w pendidikan anak-anak tidaklah mempunyai lembaga atau institusi yang khusus, namun pendidikan berjalan dengan sempurna. Ini kerana seolah-olah lembaga atau institusi pada waktu itu adalah keseluruhan hidup mereka kerana keberadaan Baginda Rasulullah s.a.w. Pendidikan yang dibawa oleh Baginda Rasulullah s.a.w pada ketika itu bahkan sehingga sekarang mendorong dan membangkitkan kebaikan, membangunkan cita-cita kepada anak-anak, menumbuhkan akal dan hati serta meningkatkan kesadaran.

Jika diteliti penulisan dalam pendidikan Islam kita akan melihat kebanyakan buku-buku yang ditulis tentang pendidikan anak usia dini berkaitan dengan kepentingan ilmu, kelebihan serta adab menuntut ilmu dan menyebarkannya. Ini memberi gambaran bahwa peringkat umur anak usia dini dalam Islam adalah tempoh masa pendidikan yang terbaik baik dari segi ilmu maupun akhlak. Dimulai dengan kemunculan karya seperti *al-'Alim wa'l-Muta'allim* karya Abu Hanifah al-Nu'man (m. 150 H), *Kitab al-'Ilm* karya Abi Khaithamah (m. 234 H), *Adab al-Mu'allimin* karya Ibnu Sahnun (m. 256 H), *al-Risalah al-Mufassalah li-Ahwal al-Muta'allimin wa-Ahkam al-Mu'allimin wa'l-Muta'allimin* karya al-Qabisi (m. 403 H), *Adab al-Dunya wa'l-Din* karya al-Mawardi (m. 450 H), *al-Akhlaq wa'l-Siyar fi Mudawamah al-Nufus* karya Ibnu Hazm (m. 456 H), dan banyak lagi.

Perhatian khusus tentang pendidikan anak usia dini dalam sejarah Islam juga dilihat kepada para pemimpin Islam terdahulu apabila menjadi kebiasaan mereka memilih pendidik yang khusus untuk anak-anak mereka. Guru yang dilantik untuk mengajar anak-anak para pemimpin tersebut akan mengajarkan mereka bermacam bidang ilmu.⁴ Contohnya Abu Muslim Mu'az bin Muslim al-Harra' adalah pendidik (*mu'addib*) kepada anak-anak Khalifah 'Abd al-Malik bin Marwan. Begitu juga Muhammad bin Muslim al-Zuhri adalah pendidik kepada anak-anak Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik. Hal ini menjadi kebiasaan para pemimpin Islam pada ketika itu. Setelah itu tidak lagi terbatas kepada anak-anak pemimpin bahkan terhadap anak-anak orang biasa. Ini terjadi sejalan dengan munculnya sistem pendidikan yang tersusun seperti munculnya institusi pendidikan dengan melibatkan campur tangan pihak penguasa pada ketika itu.⁵

Diantara tempat-tempat belajar yang terdapat dalam sejarah Islam adalah rumah pribadi, masjid, *kuttab*, istana pemerintah, toko buku, madrasah dan perpustakaan, rumah sakit, dan kawasan pedalaman. Selain itu disebutkan juga bahwa pertambahan jumlah pelajar membawa kepada perkembangan ini. Oleh itu kita dapat melihat perkembangan pendidikan anak usia dini sejak bermulanya zaman Islam. Perkembangan ini membuktikan bahawa amalan pendidikan anak usia dini dalam sejarah Islam sesuatu yang tidak terbantahkan.

Konsep Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Islam

Untuk membahas konsep pendidikan anak usia dalam Islam, adalah wajar dijelaskan secara ringkas tentang konsep pendidikan dalam Islam terlebih dahulu sebelum diperincikan berkenaan konsep pendidikan anak usia dini dalam Islam. Dalam membahas tentang konsep pendidikan dalam Islam, pantas dikemukakan istilah-istilah bahasa Arab yang dipakai untuk memberi gambaran konsep tersebut. Istilah-istilah Arab yang sering dikaitkan dengan pendidikan ialah *ta'lim*, *tarbiyah*, *ta'dib*, *tadris*, *tahdhib* dan *riyad*. Namun hanya istilah *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib* yang akan dibahas karena merujuk kepada rumusan Persidangan Dunia Pertama Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan didefinisikan sebagai *al-ta'lim*, *al-tarbiyah* dan *al-ta'dib* secara bersama-sama.⁶ Rumusan daripada pembahasan ketiga istilah tersebut ini akan membawa kepada faham pendidikan dalam Islam.

Perkataan *ta'lim* adalah kata dasar atau masdar daripada kata kerja '*allama* yang berasal daripada perkataan '*alima* yang membawa maksud

⁴ *Diwan al-Mubtada' wa'l-Khabar fi Tarikh al-'Arab wa'l-Barbar wa-Man 'Asara-hum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar*, Ibnu Khaldun

⁵ *Al-Tarbiyah 'Ibr al-Tarikh min al-'Usur al-Qadimah hatta Awa'il al-Qarn al-'Ishrin*, Abd Daim, 1984

⁶ *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*, Al Attas, 1992

mengetahui. Daripada perkataan ini juga terkait perkataan *al-'ilm*. *'Ilm* pada asalnya memberi maksud 'tanda atau kesan yang membedakan sesuatu dengan sesuatu yang lain. *'Ilm* juga adalah antonim kepada perkataan *jahl* yang bermaksud jahil.⁷ Dalam hal ini, *'ilm* lebih merujuk kepada ilmu sebagai sifat yang membezakan manusia dengan manusia lain dan juga membedakan manusia dengan binatang. Oleh itu dapat dikatakan bahawa *al-'ilm* adalah suatu sifat yang membolehkan manusia itu mengetahui hakikat sesuatu.

Justru *ta'lim* dari segi bahasa boleh dikatakan sebagai pemberitahuan, pengkhabaran atau penerangan yang dilakukan secara berulang dengan kadar yang banyak tentang sesuatu sehingga seseorang itu memahami maknanya dan memberi kesan kepada dirinya.⁸(al-Asfahani, 1991). Dari segi istilah, *ta'lim* ialah mengajar sesuatu dengan memberi penjelasan sehingga pelajar dapat memahami, mengambil manfaat dan mengamalkannya Terdapat pandangan yang lebih luas dalam menyatakan maksud *ta'lim* dari segi istilah iaitu segala perbuatan yang dilakukan untuk mencapai tujuan melahirkan manusia yang berilmu.

Dapat disimpulkan terdapat dua perkara yang penting dalam *ta'lim* iaitu *al-'ilm* atau ilmu dan proses memasukkan ilmu ke dalam diri manusia. Pada masa yang sama, *ta'lim* dilihat hanya tertumpu kepada proses pengajaran dan terbatas kepada aspek ilmu pengetahuan ataupun kognitif. Justeru *ta'lim* kepada manusia dapat ditakrifkan sebagai proses pengajaran ilmu sehingga memahami hakikatnya.

Perkataan *tarbiyah* pula adalah kata nama terbitan daripada kata kerja *rabba* yang berasal daripada tiga perkataan yang berbeza iaitu *raba*, *rabiya* dan *rabba*.⁹ Pertama *raba* yang bermaksud tambah dan berkembang. Kedua *rabiya* yang bermaksud tumbuh dan terjaga. Ketiga *rabba* yang membawa maksud memperbaiki, mengambil alih urusan, menjaga, memelihara, memberi makan dan mengatur. Terdapat beberapa perkataan yang berkait dengan perkataan *tarbiyah*. Antaranya *al-rabb* yang makna asalnya adalah *tarbiyah* iaitu menyampaikan sesuatu sehingga sempurna sedikit demi sedikit. Begitu juga perkataan *al-rabbani* yang membawa maksud orang yang mengajarkan ilmu kepada manusia, memperbaiki dan mengurus mereka.

Oleh itu boleh dikatakan *tarbiyah* atau *rabba* adalah proses yang mempunyai unsur gabungan ketiga-tiga punca perkataan yang disebutkan di atas yang boleh disimpulkan sebagai suatu pertambahan, perkembangan, pembaikan dan penjagaan. *Tarbiyah* berlaku pada diri manusia dalam pelbagai peringkat usia. Bahkan *tarbiyah* bukan sahaja berlaku kepada manusia tetapi

⁷ Lisanul Arab, Ibnu Manzhur, 1993

⁸ *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Al Asfahani, 1991

⁹ *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*, Muhammad Nawi 2011

kepada semua perkara yang boleh tumbuh dan berkembang seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan,

Walau bagaimanapun dalam penulisan Islam sering kali perkataan *tarbiyah* dikaitkan dengan peringkat usia kanak-kanak. Manakala dalam bidang pendidikan perkataan *tarbiyah* merangkumi semua peringkat umur manusia. Berdasarkan perbincangan di atas dapat didefinisikan *tarbiyah* kepada manusia sebagai suatu proses yang bertujuan perkembangan diri manusia dari semua aspek diri sepanjang hayatnya sehinggalah sempurna.

Perkataan *ta'dib* pula adalah kata serapan dari kata kerja *addaba* yang berasal daripada perkataan *al-adab* yang membawa maksud undangan. Daripada perkataan *al-adab* ini juga terkait perkataan *al-adb* yang membawa maksud takjub. Penjelasan perkaitan antara kedua-dua makna undangan dan takjub dapat diperjelaskan dengan kedudukan *adab* yang tergambar pada perkara-perkara yang mengundang sesuatu kepada sesuatu dan menakjubkan sesuatu dengan sesuatu. Contohnya apabila *adab* digunakan kepada laut (*adab al-bahr*), istilah ini bermaksud laut yang memiliki air yang banyak dan berombak, seterusnya air yang banyak dan gelombang ombak itu mengundang manusia untuk melihatnya dan menjadikan manusia kagum terhadapnya.¹⁰

Jika kata *adab* digunakan kepada manusia, perkataan *al-adab* membawa maksud kebijaksanaan dan kebagusan. Ini membawa kepada dua hal yang berkaitan dengan *al-adab* yaitu *adab jiwa (adab al-nafs)* dan *adab pengajaran (adab al-dars)*. *Addaba* juga dimaknai dengan perkataan '*allama* yang membawa maksud mengajar yang apabila digunakan kepada manusia bermaksud menyampaikan ilmu. Apabila *addaba* dalam arti kata '*allama* digunakan kepada binatang, ia membawa maksud melatih untuk patuh dan tunduk. Justeru *al-adab* adalah suatu sifat yang membawa manusia dengan ilmu kepada hal hal yang terpuji dan menjauhkannya dari sesuatu yang tercela atau dengan kata lain berakhlak, seterusnya menjadikan manusia yang patuh. Daripada pembahasan ini dapat didefinisikan *ta'dib* kepada manusia sebagai suatu proses untuk menanamkan dan memasukkan *adab* ke dalam diri manusia yang membawa kepada ilmu yang benar, jiwa yang bersih dan akhlak yang baik seterusnya menjadikannya manusia yang tunduk dan kamil.

Setelah diteliti pembahasan tentang makna *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib*, satu kesimpulan dapat ditarik yaitu bahwa ketiga-tiga perkataan ini saling berkait rapat dan menguatkan antara satu dengan yang lain walaupun ada yang memberi makna yang lebih luas berbanding yang lain. Gambaran pemahaman pendidikan menurut Islam tidak dapat lari daripada menggabungkan ketiga-tiga unsur ini. Hal ini bertepatan dengan rumusan Persidangan Dunia Pertama

¹⁰ Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah, Jamil, 2013

Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan didefinisikan sebagai *al-ta'lim*, *al-tarbiyah* dan *al-ta'dib* secara bersama-sama.¹¹

Apabila diteliti setiap definisi dan pengertian yang diberikan, ternyata *ta'lim* cenderung lebih dekat untuk memenuhi keperluan kognitif ataupun akal. *Tarbiyah* pula lebih cenderung untuk memenuhi keperluan perkembangan jasmani dan psikomotorik serta pertumbuhan emosi. Adapun *ta'dib* lebih dekat kepada keperluan kognitif, rohani dan akhlak. Tanpa menolak bahwa setiap daripada perkataan tersebut juga menyentuh keperluan-keperluan yang lain dalam diri manusia. Justeru mengambil kelebihan ketiga-tiganya dan menggabungkannya tanpa memisahkannya adalah satu langkah yang harus diambil untuk memberi faham pendidikan menurut Islam. Dalam waktu yang sama ia membawa sifat pendidikan Islam itu sendiri sebagai suatu proses yang lebih bersifat holistik dan menyeluruh.

Pendapat ahli pendidikan Muslim juga haruslah dikemukakan agar kefahaman tentang pendidikan Islam yang diberikan menjadi lebih holistik dan komprehensif. Diantaranya yang menyatakan bahwa pendidikan merupakan proses penyampaian sesuatu perkara sehingga sempurna secara bertahap. Mengutip pendapat al-Asfahani yang menyatakan bahwa pendidikan itu ialah proses pembentukan sesuatu secara berperingkat sehingga mencapai tahap kesempurnaan. Lalu dari dua pendapat tersebut dapat disimpulkan bahwa pendidikan merupakan proses pembentukan insan secara bertahap, dari seluruh aspek untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat sesuai dengan pedoman Islam. Menurut Imam al-Ghazzali bahawa pendidikan ialah proses mengembangkan bakat dengan cara menghindari segala halangan dan rintangan. Selain itu Mat Diah menyatakan pendidikan sebagai suatu proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh pendidik untuk mencapai tujuan membentuk Muslim berdasarkan ajaran Islam.¹² Adapun menurut al-Attas, juga seperti yang kutip oleh Wan Daud meletakkan pendidikan sebagai proses penanaman dan penyebaran adab dalam diri manusia.¹³

Selepas meneliti makna yang terhasil daripada penggabungan ketiga-tiga unsur yaitu *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'dib* serta pandangan para ahli pendidikan Muslim, maka dapat disimpulkan bahwa pendidikan dalam Islam merupakan suatu proses untuk membentuk manusia dengan menerapkan ilmu yang benar dan akhlak terpuji secara bertahap dan menyeluruh untuk menjadi hamba yang taat kepada Allah SWT.

¹¹ *Aims and Objectives of Islamic Education*, Syed Naqib Al Attas, 1992

¹² *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Abdul Halim Mat Diah, 1989

¹³ *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam* S. M. Naquib al-Attas, Wan Muhammad Daud, 1990

Anak Usia dini diungkapkan dengan istilah *al-tiflu* dalam bahasa Arab. *Tiflu* berasal dari akar perkataan *tafula* yang semakna dengan *rakhusa* yang bermaksud maksud lembut dan halus.¹⁴ *Tiflu* juga dapat diartikan sesuatu yang kecil ukurannya atau sedikit umurnya. Bahkan ia digunakan kepada semua makhluk termasuklah manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Justeru istilah *tiflu* arti asalnya jika digunakan kepada manusia atau haiwan adalah anak yang baru dilahirkan. Oleh sebab itu *tiflu* juga dimaksudkan dengan janin yang baru lahir. Apabila digunakan kepada tumbuh-tumbuhan, maka ia membawa maksud anak pokok atau benih yang baru tumbuh ataupun tumbuh-tumbuhan yang kecil ukurannya.

Perkataan *tiflu* disebut dalam al-Quran di sebutkan di beberapa tempat. Diantaranya ketika Allah SWT memberitahu manusia akan tahapan kejadian untuk menghilangkan perasaan ragu-ragu tentang hari akhirat. Seperti Firman Allah SWT dalam surah Al Ghafir ayat 67

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشْدَّكُمْ ثُمَّ لَتَكُونُوا
شُيُوخًا وَمِنْكُمْ مَنْ يَتُوفَىٰ مِنْ قَبْلِ وَلِتَبْلُغُوا أَجَلًا مُّسَمًّىٰ وَلَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Yang maksudnya Allah SWT menciptakan manusia dari segumpal tanah, kemudian setetes air mani, kemudian segumpal bugat atau darah beku, kemudian segumpal daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan dan kemudian manusia dikeluarkan berupa *tiflu*. Jika dilihat dari ayat ini dari sudut kedudukannya dapat difahami bahawa *tiflu* merujuk kepada keadaan manusia selepas dilahirkan. Begitu juga lafaz *tiflu* dapat dilihat ketika Allah SWT memerintahkan kepada wanita supaya tidak memperlihatkan batasan aurat perhiasan tubuh mereka kecuali kepada beberapa golongan termasuk *tiflu* yang belum mengerti aurat wanita. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Al Qur'an Surah al-Nur ayat 31

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ
نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّبِيعِينَ غَيْرِ أُولِي الْأَرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ

¹⁴ *Lisan al-'Arab, Ibnu Manzhur, 1990*

يُظْهِرُوا عَلَىٰ عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Disebutkan juga perkataan *tifl* dalam bentuk kata nama ramai (*jama'*) iaitu *atfal* ketika Allah SWT menjelaskan waktu-waktu tertentu yang diperlukan keizinan oleh anak-anak untuk memasuki bilik ibu bapa mereka (Surah al-Nur, 58). Kedua- dua ayat ini menunjukkan *tiflu* mempunyai tempoh yang tertentu yang menjadi penanda kepada titik tolak perubahan hukum kepada *tiflu* tersebut.

Melihat kepada penggunaan al-Quran terhadap perkataan *tiflu*, terdapat dua gambaran yang berkaitan dengannya. Pertama, perkataan *tiflu* berkaitan dengan keadaan dan hal yang merujuk kepada keadaan jasmani dan rohani. Kedua, ia berkaitan dengan masa umur baligh yang dapat diketahui apabila hukum anak-anak berubah ketika sampai waktu tertentu.¹⁵ Ini menunjukkan anak tersebut sudah sampai ke satu tahap yang tertentu. Justeru oleh itu dapat dikatakan lafaz *tiflu* jika digunakan kepada manusia, ia merujuk kepada manusia yang masih kecil dari segi umur dan bentuk fisiknya yang berlaku secara kebiasaan sehinggalah sampai kepada usia akil baligh.¹⁶

Terdapat beberapa perkataan lain yang digunakan untuk menggambarkan anak usia dini antaranya *sabiy* dan *ghulam*¹⁷. Adapun Lafaz *sabiy* dalam penggunaan al-Quran sesuai dengan definisi anak usia dini yang masih dalam tempoh menyusu. sebagaimana Firman Allah Taala dalam Al Qur'an Surah Maryam ayat 29

فَأشارت إليه قالوا كيف نكلم من كان في المهد صبيا

Adapun kata *ghulam* bermaksud anak yang baru dilahirkan sampai anak tersebut tumbuh kumisnya atau usia remaja.¹⁸ Sedangkan dalam al-Quran lafaz *ghulam* disebut beberapa kali, antaranya dalam kisah pemberian *ghulam*(anak) kepada Nabi Ibrahim a.s, sepertimana tercatat dalam Al-Qur'an Surah al-Saffat ayat 101

فَبَشَّرْنَاهُ بِغُلَامٍ حَلِيمٍ

¹⁵ Tafsir al-Qur'an al-'Azim, Ibnu Kasir, 1999

¹⁶ Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah, AlKuwayt, 1986

¹⁷ Lisanul Arab, Ibnu Manzhur, 1993

¹⁸ Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah, Umar, 2008

Namun dalam kisah tersebut, perkataan *ghulam* merujuk kepada anak kecil yang bertentangan dengan maksud *ghulam* sebagai remaja yang baru tumbuh kumisnya. Akan tetapi, sebenarnya penggunaan lafaz *ghulam* dalam kisah tersebut menunjuk kepada sifat optimis (*tafa'ul*) bahawa anak itu akan membesar dan menjadi *ghulam*.¹⁹ Oleh karena itu jika digabungkan makna pendidikan dan makna anak usia dini seperti yang telah kita bahas, maka dapat disimpulkan pengertian pendidikan anak usia dalam Islam sebagai proses pembentukan seorang anak dengan menerapkan ilmu yang benar dan akhlak terpuji secara bertahap dan menyeluruh untuk menjadi seorang hamba yang patuh kepada Allah. Justeru pendidikan anak usia dini yang berhubungan dengan keperluan kognitif ataupun akal boleh diistilahkan sebagai *ta'lim al-tiflu*. Pendidikan mereka yang berkaitan keperluan perkembangan jasmani dan psikomotorik serta perkembangan emosi pula boleh dinamakan sebagai *tarbiyah al-tiflu*. Manakala pendidikan keperluan akhlak, rohani dan kognitif pula boleh diistilahkan sebagai *ta'dib al-tiflu*.

Tahapan Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Islam

Secara umum pendidikan pada zaman sekarang dibagi kepada peringkat dasar, menengah, dan tinggi. Pembagian ini boleh dilihat sejak awal munculnya Kerajaan Islam lagi. Justeru pendidikan anak-anak merupakan pendidikan dasar. Pendidikan dasar pada zaman awal Islam adalah setingkat dengan pendidikan yang diterapkan di *kuttab*. Umumnya pendidikan anak-anak boleh dibagikan kepada beberapa bagian. Namun peringkat pendidikan anak-anak yang sesuai menurut Islam adalah terbagi kepada empat bagian berdasarkan pembicaraan mengenai perkataan *tiflu* yang lalu. Bagian pertama adalah pendidikan sebelum kelahiran atau pra natal, bagian kedua adalah pendidikan tahap anak-anak pertama, bagian ketiga adalah pendidikan tahap anak-anak kedua, dan bagian keempat adalah pendidikan tahap mendekati remaja.

Bagian pertama adalah tahapan sebelum kelahiran termasuk dalam peringkat pendidikan anak-anak karena bayi yang berada dalam kandungan terkesan dengan suasana luar²⁰ Walaupun dari segi bahasa sebagaimana pembahasan makna anak-anak (*tiflu*) sebelum ini menyatakan anak-anak adalah manusia yang masih kecil dari segi umur dan jasmaninya, namun para fuqaha telah memberikan bayi dalam kandungan beberapa hak, antaranya hak nasab, hak mendapat warisan, hak mendapat wasiat dan hak mendapat waqaf. Hal ini menunjukkan bahwa bayi dalam kandungan adalah sama

¹⁹ *Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir*, Al Andalusi, 2003

²⁰ *Al-Qanun fi al-Tibb*, Ibnu Sina, 1999

seperti anak-anak yang baru dilahirkan kerana mendapat hak sepertimana anak-anak biasa.

Bagian kedua adalah tahapan anak-anak sesudah kelahiran sehingga mencapai umur enam atau tujuh tahun. Tahapan ini boleh dibagikan kepada dua fase yaitu fase pertama sesudah kelahiran sampai berumur dua tahun manakala fase kedua adalah setelah umur tiga tahun sehingga tujuh tahun. Fase pertama berdasarkan setelah tiba waktu sapih kepada seorang bayi ketika berumur dua tahun sebagaimana Firman Allah SWT Dalam Al Qur'an Surah Al Baqarah Ayat 233

﴿ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْتِمَّ الرِّضَاعَةَ ۗ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ ۗ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۚ وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تُسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۙ﴾

Manakala tahapan kedua berakhir pada umur tujuh tahun kerana pada umur ini Baginda Rasulullah s.a.w mengisyaratkan suatu tempoh peralihan apabila di usia ini anak-anak sudah mulai diajarkan untuk menunaikan sholat. Sebagaimana dalam hadis nabi yang diriwayatkan oleh Al-Hakim

Bagian ketiga adalah peringkat anak-anak setelah berumur tujuh tahun sehingga sepuluh tahun. Batasan umur sepuluh tahun ini diambil berdasarkan isyarat Baginda Rasulullah s.a.w dalam hadis dibolehkan menghukum anak-anak pada usia sepuluh tahun apabila tidak menunaikan sholat. Pada umur ini juga kamar tidur anak-anak lelaki dan perempuan mesti dipisahkan

Bagian keempat adalah peringkat menghampiri remaja adalah bermula dari sepuluh tahun sehingga usia akil baligh. Usia akil baligh kebiasaannya adalah lima belas tahun untuk anak laki-laki dan sembilan tahun untuk anak perempuan.

Pembagian ini penting untuk dilihat dengan lebih serius kerana setiap bagian mempunyai perbezaan tersendiri. Ia juga akan mempengaruhi bagaimana cara untuk berinteraksi dengan setiap bagian ini. Jika gagal untuk memperhatikan bagian-bagian tersebut, maka kesan negatif yang ketara akan muncul terhadap anak-anak.

KESIMPULAN

Berdasarkan pembahasan dalam makalah ini dapat dilihat bahwa Islam sangat mementingkan pendidikan termasuk pendidikan anak-anak. Lembaran sejarah Islam yang panjang dan luas telah membuktikannya. Berawal dengan sirah dan sejarah Baginda Rasulullah s.a.w sehinggalah seterusnya boleh dilihat dalam hasil karya ilmiah yang dilahirkan oleh para ulama. Justru kerangka pendidikan anak-anak menurut Islam sangat kokoh dan jelas. Prinsip-prinsip yang mendukung kerangka inilah yang mengarahkan pendidikan anak-anak tersebut sama ada dari segi kaedah, teknik, pendekatan atau sebagainya. Akhirnya dapat difahami bahwa Islam menunjukkan sifat kesempurnaannya dengan tidak pernah memandang ringan terhadap tahapan tahapan yang penting dalam pendidikan manusia yaitu peringkat pendidikan anak-anak.

DAFTAR PUSTAKA

- 'Abd Al-Da'im, 'A. (1984). *Al-Tarbiyah 'Ibr al-Tarikh min al-'Usur al-Qadimah hatta Awa'il al-Qarn al-'Ishrin*. Dar al-'Ilm al-Malayin..
- 'Ulwan, 'A. N. (1992). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Dar al-Salam.
- 'Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. 'Alam al-Kutub.
- 'Uthman, H. M. (n.d.). *Al-Tufulah fi al-Islam Makanatu-ha wa-Asas Tarbiyah al-Tifl*. Dar al-Marikh. Ahmad, K. (n.d.). *Tarbiyah al-Atfal fi al-Hadith al-Sharif*. N.P..
- Al-Ahwani, A. F. (1968). *Al-Tarbiyah fi al-Islam*. Dar al-Ma'arif..
- Al-Attas, S. M. N. (1992). *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas,(n.d.). *Aims and Objectives of Islamic Education*. King Abdul Aziz University & Hodder and Stouhton.
- Al-Baydawi, N. 'A. 'U. (1997). *Anwar al-Tanzil wa-Asrar al-Ta'wil*. Dar Ihya' al-Turath al-Al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir. -'Arabi.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Ed. Muhammad 'Abd al-Qadir. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Al-Bukhari, M. I. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Ed. Muhammad Zuhayr Nasir. Dar Tawq al-Najah.
- Al-Hakim, M. 'A. (2003). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Ed. Mustafa 'Abd al-Qadir. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jurjani, 'A. M. (2004). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Ed. Muhammad Siddiq al-Minshawi. Dar al-Fadilah.
- Al-Kuwayt, W. A. S. I. (1986). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Zat al-Salasil.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. S. (n.d.). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Dar al-Fikr.

- Al-Qabisi, A. H. 'A. (1986). *Al-Risalah al-Mufassalah li-Ahwal al-Muta'allimin wa-Ahkam al-Mu'allimin wa'l- Muta'allimin*. Ed. Ahmad Khalid. Al-Sharikah al-Tunisiyyah.
- Al-Tirmidhi, M. 'I. (1998). *Al-Jami' al-Kabir*. Ed. Bashshar 'Awwad Ma'ruf. Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn Jama'ah, M. I. (2012). *Tadhkirah al-Sami' wa'l-Mutakallim fi Adab al-'Alim wa'l-Muta'allim*. Ed. Muhammad Mahdi al-'Ajmi. Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn Kathir, I. 'U. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, 'A. R. M. (1988). *Diwan al-Mubtada' wa'l-Khabar fi Tarikh al-'Arab wa'l-Barbar wa-Man 'Asara-hum min Dhawi al-Sha'n al-Akbar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, M. Y. Q. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Ed. Shu'ayb al-Arna'ut. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibn Manzur, M. M. (1993). *Lisan al-'Arab*. Dar Sadir.
- Ibn Sina, H. 'A. (1999). *Al-Qanun fi al-Tibb*. Ed. Muhammad Amin al-Dannawi. Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Jamil, A. I. (2013). *Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Nizam al-Mulk: Kajian Terhadap Pentadbiran Madrasah Nizamiyyah*. (Ph.D Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Jum'ah, 'A. K. (2001). *Al-Tifl fi Daw' al-Qur'an wa'l-Sunnah wa'l-Adab*.
- Mat Diah, A. H. (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Md. Nawawi, N. H. (2011). *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Stapa, Z., Yusuf, N., & Shahrudin, A. F. (2012). Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari*, 7-22.